



**PENTAKSIRAN DIAGNOSTIK AKADEMIK
SEKOLAH BERASRAMA PENUH 2023**

**PEPERIKSAAN PERCUBAAN SIJIL PELAJARAN MALAYSIA
PENDIDIKAN ISLAM**

1223/1

**Kertas 1
Oktober 2023**

PERATURAN PEMARKAHAN

**PENDIDIKAN ISLAM
KERTAS 1**

UNTUK KEGUNAAN PEMERIKSA SAHAJA

AMARAN

Peraturan pemarkahan ini **SULIT** dan **Hak Cipta Sekolah Berasrama Penuh**. Kegunaannya khusus untuk pemeriksa yang berkenaan sahaja. Sebarang maklumat dalam peraturan pemarkahan ini tidak boleh dimaklumkan kepada sesiapa. Peraturan pemarkahan ini tidak boleh dikeluarkan dalam apa-apa jua bentuk penulisan dan percetakan.

NAMA PEMERIKSA	:	
NAMA SEKOLAH	:	
TANDA TANGAN PENERIMAAN PERATURAN PERMARKAHAN	:	
TARIKH	:	
COP SEKOLAH	:	

Peraturan Pemarkahan ini mengandungi 17 halaman bercetak.

NO. SOALAN			PERATURAN PEMARKAHAN	MARKAH
1	a	(i)	<p>Sebab turun ayat 13 surah al-Hujurat:</p> <ul style="list-style-type: none"> - Terdapat sahabat yang memandang rendah kepada Saidina Bilal yang sedang melaungkan azan semasa Pembukaan Kota Mekah, (1m) Jibril AS telah memberitahu Rasulullah SAW perbuatan mereka, lalu Rasulullah SAW bertanyakan tentang tindakan tersebut. (1m) 	2 isi x 1m = 2m
		(ii)	<p>Dua keutamaan takwa:</p> <ul style="list-style-type: none"> - Manusia adalah sama di sisi Allah SWT. - Allah SWT tidak melihat jantina atau bangsa tetapi Allah SWT memandang hati dan amalan hamba-Nya. - Meyakini kekuasaan Allah SWT melalui makhluk ciptaan-Nya sebagai asas keimanan kepada Allah SWT. - Menunaikan hak sesama manusia walaupun berbeza kaum dan budaya kerana perkara itu merupakan sebahagian daripada perintah Allah SWT yang wajib dilaksanakan. <p>Catatan:</p> <ul style="list-style-type: none"> - Jawapan hendaklah ditulis dalam ayat yang lengkap. 	2 isi x 2m = 4m
		(iii)	<p>Pengajaran ayat:</p> <ul style="list-style-type: none"> - Kita hendaklah saling bekerjasama (1m) untuk membina kehidupan yang harmoni. (1m) - Kita hendaklah menghormati kepelbagaiannya budaya (1m) supaya wujud persefahaman dalam kalangan masyarakat. (1m) - Kita hendaklah berusaha untuk membaiki akhlak (1m) supaya menjadi insan bertakwa. (1m) <p><i>Mana-mana jawapan yang sesuai dan munasabah diterima.</i></p>	1 isi x 2m = 2m Isi (1m) + Huraian (1m) = 2m
	b	(i)	<p>Maksud berdikari:</p> <p>Berusaha sendiri (1m) dan tidak bergantung pada bantuan orang lain. (1m)</p>	2 isi x 1m = 2m

2 isi x 2m =
4m

Isi (1m) +
Huraian (1m)
= 2m

Dua pengajaran hadis:

- Kita hendaklah memandang mulia kepada pekerjaan yang halal walaupun hasilnya sedikit *(1m)* agar rezeki yang diperoleh mendapat keberkatan. *(1m)*
 - Kita hendaklah menghindari perbuatan meminta-minta dan bergantung pada orang lain *(1m)* untuk memelihara kemuliaan dan maruah diri. *(1m)*
 - Kita hendaklah mencari ilmu dan kemahiran *(1m)* untuk mendapatkan pendapatan yang lebih baik. *(1m)*
 - Kita hendaklah membantu orang yang memerlukan pertolongan mengikut keupayaan *(1m)* agar hidup dirahmati. *(1m)*
- Mana-mana jawapan yang sesuai dan munasabah diterima.***

		<p>(iii) Jawapan KBAT –</p> <p>“Kalau attitude ke laut, memang tak tahan – warganet bidas isu Gen Z manja dan pantang kena tegur”</p> <p><i>Sumber: Majoriti.com.my, 22 Jun 2023</i></p> <p>Berdasarkan tajuk artikel di atas,uraikan pandangan anda tentang peranan generasi akan datang bagi mengatasi sikap tersebut dalam menyara kehidupan.</p> <p>RUBRIK JAWAPAN :</p> <table border="1"> <thead> <tr> <th>Deskriptor</th><th>Skor</th></tr> </thead> <tbody> <tr> <td>Menyatakan satu bukti sahaja.</td><td>1 m</td></tr> <tr> <td>Menyatakan bukti berserta huraian ringkas.</td><td>2 m</td></tr> <tr> <td>Menyatakan bukti berserta huraian yang lengkap yang menyatakan contoh/sebab/akibat/kesan/dalil sokongan dan sebagainya.</td><td>3 m</td></tr> <tr> <td>Menyatakan bukti berserta huraian yang lengkap yang menyatakan contoh/sebab/akibat/kesan/dalil sokongan. Kesimpulan/olahan jawapan tepat, jelas, relevan dan menarik.</td><td>4 m</td></tr> </tbody> </table> <p>Cadangan Jawapan:</p> <p>Pada pandangan saya, peranan generasi akan datang bagi mengatasi sikap manja dan pantang kena tegur dalam menyara kehidupan ialah mereka perlu menggunakan potensi diri yang dikurniakan oleh Allah SWT seoptimum mungkin. (<i>I-1m</i>) Hal ini demikian supaya generasi akan datang akan cuba mengatasi pelbagai halangan dan cabaran yang diperoleh semasa bekerja. (<i>H-1m</i>) Kesannya, pekerjaan dan tugas yang diberikan akan dapat dilaksanakan dengan sebaiknya. (<i>HL-1m</i>) Kesimpulannya, kita hendaklah menghadapi cabaran dengan bijak agar segala masalah boleh diatasi dengan cara yang positif. (<i>K-1m</i>)</p> <p>Cadangan isi:</p> <ul style="list-style-type: none"> - Menggunakan potensi diri yang dikurniakan oleh Allah SWT seoptimum mungkin. - Membebaskan diri daripada bergantung pada pihak lain. - Meyakini kemampuan diri dalam melaksanakan sesuatu tugas. - Berazam dengan hemah yang tinggi untuk meningkatkan kualiti diri, masyarakat dan negara. - Berusaha bersungguh-sungguh dalam menyara kehidupan. - <i>Mana-mana isi jawapan yang sesuai berserta huraianya.</i> 	Deskriptor	Skor	Menyatakan satu bukti sahaja.	1 m	Menyatakan bukti berserta huraian ringkas.	2 m	Menyatakan bukti berserta huraian yang lengkap yang menyatakan contoh/sebab/akibat/kesan/dalil sokongan dan sebagainya.	3 m	Menyatakan bukti berserta huraian yang lengkap yang menyatakan contoh/sebab/akibat/kesan/dalil sokongan. Kesimpulan/olahan jawapan tepat, jelas, relevan dan menarik.	4 m	
Deskriptor	Skor												
Menyatakan satu bukti sahaja.	1 m												
Menyatakan bukti berserta huraian ringkas.	2 m												
Menyatakan bukti berserta huraian yang lengkap yang menyatakan contoh/sebab/akibat/kesan/dalil sokongan dan sebagainya.	3 m												
Menyatakan bukti berserta huraian yang lengkap yang menyatakan contoh/sebab/akibat/kesan/dalil sokongan. Kesimpulan/olahan jawapan tepat, jelas, relevan dan menarik.	4 m												

	c		Dua jenis ibtida': <ul style="list-style-type: none">- Ibtida' Hasan.- Ibtida' Qabih.	2 isi x 1m = 2m
--	---	--	--	----------------------------

NO. SOALAN			PERATURAN PEMARKAHAN	MARKAH
2	a	(i)	<p>Maksud ajaran sesat:</p> <p>Ajaran yang didakwa sebagai ajaran Islam (<i>1m</i>) sedangkan hakikatnya bercanggah dengan al-Quran dan hadis. (<i>1m</i>)</p>	2 isi x 1m = 2m
		(ii)	<p>Dua kesan melakukan ajaran sesat:</p> <p><i>Dari segi agama</i></p> <ul style="list-style-type: none"> - Melemahkan iman dan merosakkan akidah (<i>1m</i>) kerana telah melakukan perkara yang bercanggah dengan al-Quran dan hadis. (<i>1m</i>) - Menjatuhkan imej umat Islam (<i>1m</i>) kerana mencampuradukkan ajaran benar dan ajaran yang salah. (<i>1m</i>) <p><i>Dari segi ekonomi</i></p> <ul style="list-style-type: none"> - Melahirkan individu yang pasif dan malas (<i>1m</i>) kerana terlalu fanatik dengan ajaran sesat yang diyakini. (<i>1m</i>) - Membelanjakan wang pada perkara yang tidak berfaedah (<i>1m</i>) untuk menyokong aktiviti ajaran sesat. (<i>1m</i>) <p><i>Dari segi politik</i></p> <ul style="list-style-type: none"> - Menggugat kestabilan politik (<i>1m</i>) kerana tindakan keganasan yang dilakukan oleh penganut fanatik ajaran sesat. (<i>1m</i>) - Mewujudkan suasana politik yang tidak harmoni (<i>1m</i>) kerana taksub kepada pimpinan kumpulan. (<i>1m</i>) <p><i>Dari segi kemasyarakatan</i></p> <ul style="list-style-type: none"> - Membentuk individu dan masyarakat yang bersikap agresif dan kasar (<i>1m</i>) kerana ajaran sesat tidak membentuk akhlak mahmudah. (<i>1m</i>) - Memutuskan hubungan silaturahim dan persaudaraan Islam (<i>1m</i>) kerana mencetuskan permusuhan antara satu sama lain. (<i>1m</i>) - <i>Mana-mana jawapan yang sesuai dan munasabah diterima.</i> 	<p>2 isi x 2m = 4m</p> <p>Isi (1m) + Huraian (1m) = 2m</p>

		(iii) Dua cara menjauhi ajaran sesat: <ul style="list-style-type: none"> - Ilmu - Mempelajari akidah yang sebenar berdasarkan manhaj Ahli Sunah Waljamaah (<i>1m</i>) agar apa yang diyakini bertepatan dengan ajaran al-Quran dan hadis. (<i>1m</i>) - Sahabat - Menghindarkan diri daripada bergaul dengan orang yang dicurigai ilmu dan amalannya (<i>1m</i>) supaya dapat menyelamatkan diri daripada golongan ajaran sesat. (<i>1m</i>) - Amal - Memastikan amalan yang dilakukan benar-benar mengikut panduan al-Quran dan al-Sunah (<i>1m</i>) agar amalan diterima Allah SWT. (<i>1m</i>) - Kaji - Mencari maklumat daripada sumber yang sah (<i>1m</i>) supaya tidak terpengaruh dengan ajaran sesat. (<i>1m</i>) - Doa - Berdoa memohon petunjuk (<i>1m</i>) agar sentiasa berada di jalan yang benar. (<i>1m</i>) - Taubat - Bertaubat kepada Allah SWT atas keterlanjuran mengikuti dan beramal dengan ajaran sesat (<i>1m</i>) untuk membersihkan diri daripada segala dosa. (<i>1m</i>) <p><i>Mana-mana jawapan yang sesuai dan munasabah diterima.</i></p>	2 isi x 2m = 4m Isi (1m) + Huraian (1m) = 2m
b	(i)	Maksud al-Raqib: Nama Allah SWT yang menunjukkan bahawa Allah SWT Maha Mengawasi (<i>1m</i>) semua perbuatan dan keadaan makhluk. (<i>1m</i>)	2 isi x 1m = 2m
	(ii)	Dua bukti Allah SWT bersifat al-Raqib: <ul style="list-style-type: none"> - Allah SWT Maha Mengawasi manusia dalam aspek kepatuhan kepada perintah dan larangannya. - Allah SWT sentiasa mengawasi manusia dalam aspek hubungan sesama manusia. <p>Catatan:</p> <ul style="list-style-type: none"> - Jawapan hendaklah ditulis dalam ayat yang lengkap. 	2 isi x 2m = 4m

(iii)

Jawapan KBAT –

“Menghayati nama Allah al-Raqib menjadikan seseorang murid itu cemerlang dan berjaya dalam pelajaran.”

Huraikan pandangan anda bagi menyokong pernyataan di atas.

RUBRIK JAWAPAN :

Deskriptor	Skor
Menyatakan satu bukti sahaja.	1 m
Menyatakan bukti berserta huraian ringkas.	2 m
Menyatakan bukti berserta huraian yang lengkap yang menyatakan contoh/sebab/akibat/kesan/dalil sokongan dan sebagainya.	3 m
Menyatakan bukti berserta huraian yang lengkap yang menyatakan contoh/sebab/akibat/kesan/dalil sokongan. Kesimpulan/olahan jawapan tepat, jelas, relevan dan menarik.	4 m

Cadangan Jawapan:

Pada pandangan saya, keimanan kepada sifat al-Raqib akan menjadikan seseorang murid itu cemerlang dan berjaya dalam pelajaran dengan menjadikan seorang murid sentiasa berwaspada dalam semua keadaan secara zahir dan batin. (*I-1m*) Hal ini demikian kerana murid yakin dirinya sentiasa diawasi setiap masa. (*H-1m*) Kesannya, murid akan sentiasa fokus dalam pelajaran dan tidak melakukan perkara maksiat. (*HL-1m*) Kesimpulannya, kita hendaklah sentiasa mengawal diri daripada perkara mungkar agar berjaya di dunia dan akhirat. (*K-1m*)

Cadangan isi:

- Melakukan segala perintah Allah dan menjauhi larangan-Nya.
- Mengelakkan diri daripada melakukan perkara lagha dan maksiat.
- Sentiasa istiqamah dalam melakukan ibadah.
- Sentiasa berdoa dan memohon kejayaan dalam pelajaran.

- *Mana-mana isi jawapan yang sesuai berserta huraianya.*

Isi = 1m

Huraian = 1m

Huraian

Lengkap = 1m

Kesimpulan =
1m

4m

NO. SOALAN			PERATURAN PEMARKAHAN	MARKAH
3	a	(i)	Maksud haji: Mengunjungi Baitullah al-Haram pada bulan-bulan haji (<i>1m</i>) untuk mengerjakan ibadah tertentu menurut syarat-syaratnya. (<i>1m</i>)	2 isi x 1m = 2m
		(ii)	Empat syarat wajib haji dan umrah: - Islam. - Baligh. - Berakal. - Merdeka. - Berkemampuan / Istita'ah.	4 isi x 1m = 4m

(iii)

Jawapan KBAT –

“Melaksanakan ibadah haji menuntut pengorbanan masa, tenaga dan perbelanjaan kos yang tinggi”

Huraikan tindakan yang perlu diambil bagi menunjukkan kesungguhan anda dalam menyempurnakan ibadah tersebut.

RUBRIK JAWAPAN :

Deskriptor	Skor
Menyatakan satu bukti sahaja.	1 m
Menyatakan bukti berserta huraiann ringkas.	2 m
Menyatakan bukti berserta huraiann yang lengkap yang menyatakan contoh/sebab/akibat/kesan/dalil sokongan dan sebagainya.	3 m
Menyatakan bukti berserta huraiann yang lengkap yang menyatakan contoh/sebab/akibat/kesan/dalil sokongan. Kesimpulan/olahan jawapan tepat, jelas, relevan dan menarik.	4 m

Cadangan Jawapan:

Tindakan yang saya akan ambil bagi menunjukkan kesungguhan saya dalam menyempurnakan ibadah haji ialah saya akan bijak merancang dan menguruskan kewangan sebaik mungkin. (*I-1m*) Hal ini demikian kerana menunaikan haji memerlukan kos perbelanjaan yang tinggi. (*H-1m*) Contohnya, saya akan menabung di Tabung Haji atau mana-mana bank sejak dari kecil lagi. (*HL-1m*) Kesimpulannya, kita hendaklah menerapkan azam yang tinggi untuk menunaikan haji supaya hajat kita akan tercapai. (*K-1m*)

Cadangan isi:

- Bijak merancang dan menguruskan kewangan sebaik mungkin.
- Membuka simpanan Tabung Haji.
- Mendaftar awal untuk menunaikan Haji.
- Banyak membaca dan menuntut ilmu berkaitan dengan haji.
- Menghadiri kursus haji atau umrah yang dianjurkan di kawasan setempat.

- *Mana-mana isi jawapan yang sesuai berserta huraiannya.*

Isi = 1m
Huraiann = 1m
Huraiann
Lengkap = 1m
Kesimpulan =
1m
4m

	b	(i)	<p>Maksud faraid:</p> <p>Pembahagian harta seorang Islam yang telah meninggal dunia (<i>1m</i>) kepada anggota warisnya menurut hukum syarak. (<i>1m</i>)</p>	2 isi x 1m = 2m
		(ii)	<p>Dua rukun faraid:</p> <ul style="list-style-type: none"> - Orang yang mewariskan harta. - Waris. - Harta pusaka. 	2 isi x 1m = 2m
		(iii)	<p>Hikmah pensyariatan faraid:</p> <ul style="list-style-type: none"> - Mengelakkan berlaku pertelingkahan dalam pembahagian harta (<i>1m</i>) kerana boleh menjaskan kebahagian dalam keluarga. (<i>1m</i>) - Menjamin kelangsungan hidup waris selepas kematian orang yang mewarisi harta (<i>1m</i>) kerana tiada tempat untuk bergantung hidup. (<i>1m</i>) - Menegakkan keadilan bagi pihak waris (<i>1m</i>) supaya tidak ditipu oleh pihak pihak yang tidak bertanggungjawab. (<i>1m</i>) - Mengekalkan kasih sayang dalam kalangan anggota keluarga (<i>1m</i>) agar melahirkan keluarga yang bahagia. (<i>1m</i>) - <i>Mana-mana jawapan yang sesuai dan munasabah diterima.</i> 	1 isi x 2m = 2m Isi (1m) + Huraian (1m) = 2m

(iv)

Jawapan KBAT –

“Islam mensyariatkan faraid untuk membahagikan harta pusaka selepas berlaku kematian.”

Berdasarkan pernyataan di atas, apakah kemungkinan yang akan berlaku sekiranya tuntutan tersebut diabaikan dalam sesebuah keluarga?

RUBRIK JAWAPAN :

Deskriptor	Skor
Menyatakan satu bukti sahaja.	1 m
Menyatakan bukti berserta huraiann ringkas.	2 m
Menyatakan bukti berserta huraiann yang lengkap yang menyatakan contoh/sebab/akibat/kesan/dalil sokongan dan sebagainya.	3 m
Menyatakan bukti berserta huraiann yang lengkap yang menyatakan contoh/sebab/akibat/kesan/dalil sokongan. Kesimpulan/olahan jawapan tepat, jelas, relevan dan menarik.	4 m

Cadangan Jawapan:

Kemungkinan yang akan berlaku sekiranya tuntutan membahagikan harta pusaka mengikut sistem faraid diabaikan dalam sesebuah keluarga ialah pembahagian harta akan diuruskan dengan tidak adil dan saksama. (*I-1m*) Hal ini demikian kerana wujudnya sikap segelintir waris yang tamak dan tidak bertanggungjawab dalam pembahagian harta. (*H-1m*) Kesannya, berlaku pertelingkahan dalam keluarga sendiri. (*HL-1m*) Kesimpulannya, kita hendaklah berusaha mendalami ilmu faraid agar ianya dapat diamalkan sebaiknya dalam kehidupan. (*K-1m*)

Isi = 1m

Huraiann = 1m

Huraiann

Lengkap = 1m

Kesimpulan =

1m

4m

Cadangan isi:

- Pembahagian harta diuruskan dengan tidak adil dan saksama.
- Berlaku perebutan harta dalam keluarga.
- Hubungan kekeluargaan akan terputus.
- Berlaku penganiayaan kepada waris yang berhak.

- *Mana-mana isi jawapan yang sesuai berserta huraiannya.*

NO. SOALAN		PERATURAN PEMARKAHAN	MARKAH
4	a	<p>(i) Dua nama khalifah terkenal zaman kerajaan Umayyah:</p> <ul style="list-style-type: none"> - Muawiyah bin Abi Sufian. - Abdul Malik bin Marwan. - Al-Walid bin Abdul Malik. - Umar bin Abdul Aziz. 	2 isi x 1m = 2m
		<p>(ii) Dua faktor kegembilangan kerajaan Umayyah dari sudut ekonomi:</p> <ul style="list-style-type: none"> - Pengurusan baitulmal yang cekap sehingga hasil pendapatan negara melebihi keperluan. - Kerajaan berjaya memanfaatkan hasil daripada pertanian dan perdagangan untuk membangunkan negara. <p>Catatan:</p> <ul style="list-style-type: none"> - Jawapan hendaklah ditulis dalam ayat yang lengkap. 	2 isi x 2m = 4m
		<p>(iii) Dua iktibar yang boleh diambil daripada pemerintahan kerajaan Umayyah:</p> <ul style="list-style-type: none"> - Kita hendaklah memartabatkan ajaran al-Quran dan as-Sunnah dalam urusan kepimpinan (1m) agar syariat Islam dapat ditegakkan. (1m) - Kita hendaklah menjaga hubungan baik antara pemimpin dengan rakyat (1m) agar hidup harmoni. (1m) - Kita hendaklah memiliki semangat jihad yang tinggi (1m) untuk mempertahankan kedaulatan negara. (1m) - Kita hendaklah mencontohi sifat mulia yang ada pada khalifah Islam (1m) seperti zuhud, tegas, berilmu dan bijaksana. (1m) - Kita hendaklah menjaga kebajikan sesama rakan (1m) agar mengeratkan kasih sayang. (1m) - Kita hendaklah berusaha meningkatkan ilmu pengetahuan (1m) agar dapat memberi sumbangan kepada umat Islam. (1m) - <i>Mana-mana jawapan yang sesuai dan munasabah diterima.</i> 	2 isi x 2m = 4m Isi (1m) + Huraian (1m) = 2m

			<p>Tiga riwayat hidup Ahmad bin Ibrahim:</p> <ul style="list-style-type: none"> - Nama penuh: Ahmad bin Muhammad Ibrahim - Tarikh lahir: 15 Mei 1916 - Tarikh meninggal dunia: 17 April 1999 - Gelaran: Profesor Emeritus Tan Sri Doktor - Pekerjaan: Pensyarah kuliah Undang-undang di Universiti Islam Antarabangsa, Malaysia. / Hakim Mahkamah Rayuan dan Mahkamah Syariah. - Ketinggian akhlak: Suka menyebarkan ilmu. / Menjaga etika keadilan ketika mengendalikan kes perbicaraan. - Tahap Pendidikan: Victoria Bridge School, Singapura. / Raffles Institution, Singapura. / Raffles College, Singapura. / University of Cambridge, England. 	<p>3 isi x 1m = 3m</p>
			<p>Tiga sumbangan Ahmad bin Ibrahim:</p> <ul style="list-style-type: none"> - Hasil Karya: Buku-buku Undang-undang Keluarga Islam di Malaysia seperti Undang-undang Keluarga Islam dan <i>Family Law in Malaysia</i>. / Pelopor jurnal hukum. / Menghasilkan buku-buku berkaitan dengan undang-undang di Malaysia (Sistem Undang-undang Malaysia) dan (<i>Islamic Law in Malaysia</i>) - Kehakiman: Hakim mahkamah rayuan dan mahkamah syariah. - Perundungan: Anggota panel pengasas kuliah undang-undang di Universiti Islam Antarabangsa, Malaysia. / Pengasas dan penggubal enakmen undang-undang Islam (hudud dan qisas) Kelantan pada tahun 1991. 	<p>3 isi x 1m = 3m</p>
		<p>Dua iktibar yang boleh diambil daripada keunggulan tokoh Ahmad bin Ibrahim:</p> <ul style="list-style-type: none"> - Kita hendaklah mencontohi kegigihan tokoh dalam menuntut ilmu (1m) sebagai bukti kecintaan terhadap ilmu. (1m) - Kita hendaklah menyebarkan ilmu dan kepakaran yang dimiliki (1m) agar dapat memberi manfaat kepada agama, bangsa dan negara. (1m) - Kita hendaklah berusaha untuk menjadi insan yang lebih berkualiti (1m) supaya dapat berbakti kepada masyarakat dan negara. (1m) - Kita hendaklah bekerjasama dalam pembangunan negara (1m) supaya negara dihormati di peringkat antarabangsa. (1m) - Kita hendaklah mengamalkan sikap cekal menyebarkan dakwah Islamiyah (1m) agar masyarakat dapat memahami Islam yang sebenar. (1m) <p><i>- Mana-mana jawapan yang sesuai dan munasabah diterima.</i></p>	<p>2 isi x 2m = 4m</p> <p>Isi (1m) + Huraian (1m) = 2m</p>	

NO. SOALAN			PERATURAN PEMARKAHAN	MARKAH
5	a	(i)	<p>Maksud wasatiyah:</p> <p>Pendekatan yang sederhana, seimbang, adil dan cemerlang (<i>1m</i>) dalam setiap tindakan. (<i>1m</i>)</p>	2 isi x 1m = 2m
		(ii)	<p>Dua aspek keadilan dalam prinsip wasatiyah:</p> <ul style="list-style-type: none"> - Menunaikan hak kepada mereka yang berhak menerimanya. - Mengambil pendekatan pertengahan dan seimbang secara hikmah antara dua perkara yang ekstrim. <p>Catatan:</p> <ul style="list-style-type: none"> - Jawapan hendaklah ditulis dalam ayat yang lengkap. 	2 isi x 2m = 4m
		(iii)	<p>Dua hikmah melaksanakan prinsip wasatiyah:</p> <ul style="list-style-type: none"> - Syiar Islam dapat ditegakkan (<i>1m</i>) kerana menyempurnakan akhlak dan nilai-nilai murni. (<i>1m</i>) - Pembangunan yang menyeluruh dan seimbang dapat diwujudkan (<i>1m</i>) kerana adanya kestabilan politik. (<i>1m</i>) - Ekonomi masyarakat yang stabil dapat dijana (<i>1m</i>) kerana tiada berlaku pembaziran. (<i>1m</i>) - Tahap pendidikan masyarakat dapat ditingkatkan (<i>1m</i>) untuk memenuhi keperluan negara. (<i>1m</i>) - Masyarakat yang aman damai dan bersatu padu dapat dibangunkan (<i>1m</i>) kerana prinsip-prinsip keadilan telah dilaksanakan. (<i>1m</i>) <i>- Mana-mana jawapan yang sesuai dan munasabah diterima.</i> 	2 isi x 2m = 4m Isi (1m) + Huraian (1m) = 2m
5	b	(i)	<p>Maksud alam sekitar:</p> <p>Segala benda hidup dan bukan hidup (<i>1m</i>) yang terdapat di sekeliling manusia. (<i>1m</i>)</p>	2 isi x 1m = 2m

		(ii) Dua adab menjaga alam sekitar:	<p>- Sentiasa mengekalkan ekosistem kehidupan flora dan fauna <i>(1m)</i> agar tidak terancam dan pupus. <i>(1m)</i></p> <p>- Sentiasa memelihara dan memulihara alam sekitar dengan tidak melakukan sebarang kerosakan <i>(1m)</i> agar khazanah alam terjaga. <i>(1m)</i></p> <p>- Sentiasa berusaha mengekalkan keceriaan dan kebersihan alam sekitar <i>(1m)</i> untuk mewujudkan suasana yang kondusif. <i>(1m)</i></p> <p>- Sentiasa menjaga kelestarian alam <i>(1m)</i> supaya alam semulajadi dapat dipelihara dan dikenalkan. <i>(1m)</i></p> <p>- Sentiasa mengamalkan cara hidup yang mesra alam <i>(1m)</i> agar tidak mencemarkan alam. <i>(1m)</i></p> <p>- Sentiasa berhemah dan tidak membazir menggunakan sumber air <i>(1m)</i> untuk menjimatkan sumber alam. <i>(1m)</i></p>	<p>2 isi x 2m = 4m</p> <p>Isi <i>(1m)</i> + Huraian <i>(1m)</i> = 2m</p>
--	--	--	---	--

5	b	(iii)	<p>Jawapan KBAT –</p> <p>“Firman Allah SWT dalam Surah al-Rum: 41:</p> <p>Maksudnya: “Telah timbul berbagai kerosakan dan bala bencana di darat dan di laut dengan sebab apa yang telah dilakukan oleh tangan manusia.”</p> <p>Berdasarkan maksud ayat di atas, huraikan hujah anda mengapakah situasi di atas berlaku?</p> <p>RUBRIK JAWAPAN :</p> <table border="1" style="width: 100%; border-collapse: collapse;"> <thead> <tr> <th style="text-align: center; padding: 5px;">Deskriptor</th><th style="text-align: center; padding: 5px;">Skor</th></tr> </thead> <tbody> <tr> <td style="padding: 5px;">Menyatakan satu bukti sahaja.</td><td style="text-align: center; padding: 5px;">1 m</td></tr> <tr> <td style="padding: 5px;">Menyatakan bukti berserta huraian ringkas.</td><td style="text-align: center; padding: 5px;">2 m</td></tr> <tr> <td style="padding: 5px;">Menyatakan bukti berserta huraian yang lengkap yang menyatakan contoh/sebab/akibat/kesan/dalil sokongan dan sebagainya.</td><td style="text-align: center; padding: 5px;">3 m</td></tr> <tr> <td style="padding: 5px;">Menyatakan bukti berserta huraian yang lengkap yang menyatakan contoh/sebab/akibat/kesan/dalil sokongan. Kesimpulan/olahan jawapan tepat, jelas, relevan dan menarik.</td><td style="text-align: center; padding: 5px;">4 m</td></tr> </tbody> </table> <p>Cadangan Jawapan:</p> <p>Hujah saya sebab situasi kerosakan dan bala bencana berlaku adalah kerana ingin mengaut keuntungan semata-mata daripada hasil alam. (<i>I-1m</i>) Hal ini demikian kerana mereka bersikap mementingkan diri dan poket sendiri sahaja. (<i>H-1m</i>) Contohnya, pembalakan haram yang tidak terkawal dilakukan tanpa mempedulikan penanaman semula pokok-pokok balak yang telah ditebang untuk pembangunan. (<i>HL-1m</i>) Kesimpulannya, kita hendaklah bijak menggunakan dan menjaga alam sekitar agar generasi akan datang mendapat manfaatnya. (<i>K-1m</i>)</p> <p>Cadangan isi:</p> <ul style="list-style-type: none"> - Ingin mengaut keuntungan semata-mata daripada hasil alam. - Kurang kesedaran mengambil berat tentang penjagaan alam sekitar. - Sikap tidak ambil tahu tentang kerosakan dan kemusnahan alam sekitar. - Penguatkuasaan undang-undang yang lemah dalam menangani isu alam sekitar. - <i>Mana-mana isi jawapan yang sesuai berserta huraianya diterima.</i> 	Deskriptor	Skor	Menyatakan satu bukti sahaja.	1 m	Menyatakan bukti berserta huraian ringkas.	2 m	Menyatakan bukti berserta huraian yang lengkap yang menyatakan contoh/sebab/akibat/kesan/dalil sokongan dan sebagainya.	3 m	Menyatakan bukti berserta huraian yang lengkap yang menyatakan contoh/sebab/akibat/kesan/dalil sokongan. Kesimpulan/olahan jawapan tepat, jelas, relevan dan menarik.	4 m
Deskriptor	Skor												
Menyatakan satu bukti sahaja.	1 m												
Menyatakan bukti berserta huraian ringkas.	2 m												
Menyatakan bukti berserta huraian yang lengkap yang menyatakan contoh/sebab/akibat/kesan/dalil sokongan dan sebagainya.	3 m												
Menyatakan bukti berserta huraian yang lengkap yang menyatakan contoh/sebab/akibat/kesan/dalil sokongan. Kesimpulan/olahan jawapan tepat, jelas, relevan dan menarik.	4 m												